

Sungai Rui tarikan baharu

GERIK - Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) komited membangunkan agropelancongan yang terdapat di Ladang Sungai Rui.

Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ahmad Rizal Abdul Rahman berkata, Pusat Rekreasi Agropelancongan Sungai Rui yang terletak di Kilometer 25 Lebuhraya Gerik-Kupang memiliki potensi sebagai produk pelancongan.

Menurutnya, antara aktiviti yang diperkenalkan adalah memancing, berenang, menaiki jet ski, berkayak dan menyusuri kawasan hutan semulajadi di situ.

"Di sini tempatnya boleh dijadikan antara produk pelancongan yang menarik malah amat bersesuaian kerana laluan antara Perak, Kedah dan Pulau Pinang.

"Dari segi kemudahan asas, kita sedia tandas, surau, tapak perkhemahan untuk



Zambry menanam pokok sebagai simbolik perasmian Pusat Rekreasi Agropelancongan Sungai Rui, semalam.

beri keselesaan kepada pelancong domestik dan luar negara namun mengekalkan semangat alam semulajadi," katanya pada sidang media, semalam.

Hadir merasmikan pusat berkenaan, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir sempena Program Pemukiman Menteri Besar bersama Exco Kerajaan Negeri.

Ahmad Rizal berkata, pu-

sat rekreasi itu dijangka akan siap sepenuhnya dalam tempoh tiga tahun.

"Pusat rekreasi ini terletak dalam Ladang Rakyat Sungai Rui seluas 823.19 hektar dan dalam kawasan kita ni masih banyak haiwan liar yang masih menghuni di sini.

"Antara haiwan yang kita dah jumpa seperti beruang, gajah, tenek dan banyak lagi kerana terdapat kawasan minum iaitu sira di sini," katanya.